

Pemimpin atasan berebut jawatan punca perpecahan

UM 20 JUN 2003

KUALA LUMPUR 19 Jun — Perpecahan dalam parti ekoran perebutan jawatan yang berlaku pada pemilihan UMNO tahun 1987 dan 1998 berpunca daripada pemimpin peringkat atasan, kata Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad.

Beliau mengingatkan mereka supaya senario yang sama juga tidak berlaku pada pemilihan parti pada tahun depan.

“Kita-kita di atas inilah (punca perpecahan) dan bukan orang lain pada pemilihan tahun 1987 dan 1998.

“Dalam sejarah parti, orang yang menimbulkan masalah ini adalah pemimpin atasan, macam kita-kita inilah,” kata beliau.

Justeru, beliau menggesa pemimpin peringkat itu mengelakkan diri daripada terbabit dalam konflik tersebut terutama dalam memastikan proses peralihan kepimpinan parti dan kerajaan berjalan dengan licin.

Mohd. Isa membangkitkan

perkara itu ketika membahaskan ucapan dasar Presiden pada Perhimpunan Agung UMNO ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Beliau berkata, sering juga berlaku pemimpin peringkat atasan menafikan untuk bertanding tetapi mereka di peringkat bawah pula mengapi-apikan pemimpin berkenaan supaya berbuat demikian.

Jaminan

Namun, beliau berpendapat jika semua tiga Naib Presiden serta dua bekas pemimpin kanan parti itu sudah memberi jaminan tidak akan mencabar penyandang Timbalan Perdana Menteri bagi kerusi Timbalan Presiden UMNO tahun depan, perebutan jawatan pasti dapat dielakkan.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan jika mereka gagal mengotakan janji itu, ia boleh dianggap sebagai berbohong kepada seluruh ahli parti.

Tegasnya, perakuan mereka

berhubung jaminan itu yang di siarkan di muka depan semua akhbar tempatan baru-baru ini serta dibaca seluruh rakyat Malaysia boleh dianggap sebagai ikrar yang perlu dipatuhi.

“Satu Malaysia sudah baca surat khabar yang semuanya tulis di muka surat depan. Ini satu ikrar dan saya yakin Datuk Seri Presiden (Dr. Mahathir) selesa bila tak ada pertandingan yang hebat ini, kerana perakuan dah dibuat.

“(Tetapi) kalau betul mereka lawan, mereka berbohonglah kepada kita semua.”

Rata beliau lagi: “Oleh itu, kalau sudah ikrar, saya pun selesa dan Abdullah lagi selesa. Inilah hadiah paling berharga kepada Presiden.”

Mohd. Isa turut menarik perhatian jika inilah semangat orang UMNO dengan mengelakkan perebutan jawatan, maka ia boleh dianggap masa sesuai untuk diadakan pilihan raya umum.

■ Lihat muka 4

Pemimpin atasan berebut jawatan punca perpecahan

UM 20 JUN 2003

“Fasal apa? Sebab orang UMNO ini semangatnya sekejap sahaja...menjelang sampai di rumah, belum tentu lagi semangatnya, semangat lain pula naik,” selorohnya sambil disambut gelak ketawa para perwakilan.

UMNO akan mengadakan pemilihan parti pada tahun depan.

Walaupun masih jauh lagi, kesemua Naib Presiden terdiri daripada Da-

tuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri” Muhammad Muhd. Taib baru-baru ini membuat perakuan kepada media tidak akan mencabar sesiapa yang dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri bagi jawatan nombor dua parti nanti.

Selain itu, bekas Timbalan Presiden UMNO, Tan Sri Musa Hitam dan pencabar jawatan Presiden

pada 1987, Tengku Razaleigh Hamzah yakin ahli Majlis Tertinggi, turut membuat ikrar serupa.